

**PROMOSI DIGITAL DAY 3-BULAN DEPOSIT TETAP / DEPOSIT TETAP-i***Dikemaskini pada 9 Julai 2020***TEMPOH PROMOSI**

“Promosi Digital Day 3-bulan Deposit Tetap / Deposit Tetap-i” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad 193401000023 (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 10 Julai 2020 dan berakhir pada 31 Julai 2020, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam Klausa 11 di bawah, mengikut mana-mana yang dahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-

**KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baru and sedia ada Bank yang merupakan individu atau bukan individu warga Malaysia dan individu atau bukan individu bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
2. Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
  - (i) Pelanggan baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi.
  - (ii) Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai sebarang Produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi.
  - (iii) Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, **tidak termasuk syarikat dan badan korporat**.
3. Akaun Deposit Tetap/Deposit Tetap-i (“FD/FD-i”) sertaan (“Akaun FD/FD-i Sertaan”) untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
  - (a) FD Konvensional; dan
  - (b) Deposit Tetap-i.
4. Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
  - (a) Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD HLB/Akaun Deposit Tetap-i HLISB (“FD/FD-i”), Akaun Semasa atau Akaun Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) yang baru dan sedia ada dimiliki oleh Pelanggan; dan
  - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan.
5. Untuk tujuan Promosi ini, Dana Baru mesti diletakkan dan didepositkan ke dalam Akaun FD/FD-i Sertaan Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari ketersediaan Dana Baru.
6. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
  - (a) FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i dari mana-mana akaun FD HLB/FD-i HLISB yang sedia ada;
  - (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
  - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
7. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
8. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi

## KAEDAH PROMOSI

9. Untuk menikmati Kadar Promosi FD/FD-i yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah, Pelanggan perlu membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan Minimum dan Amaun Peletakan Maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah dalam Akaun FD/FD-i Sertaan (“**Amaun Peletakan FD/FD-i**”) bagi tempoh FD/FD-i yang dinyatakan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Promosi. Deposit tersebut bermaksud “**Peletakan FD/FD-i**”

Produk	Tempoh FD / FD-i	Kadar Promosi FD / FD-i <sup>1</sup>	Amaun Peletakan Minimum	Amaun Peletakan Maksimum
FD Konvensional/FD-i	3-bulan	2.45%p.a.	RM10,000	RM2,000,000

<sup>1</sup> Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), Kadar Promosi FD/FD-i akan disemak.

10. Untuk tujuan Promosi ini, Pelanggan yang menepati semua kriteria dalam Klausu 9 akan dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”.
11. Jumlah saiz dana untuk FD/FD-i masing-masing adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah (“Had Saiz Dana”).

FD/FD-i	Had Saiz Dana
Deposit Tetap 3-bulan	RM400 Juta
Deposit Tetap-i 3-bulan	RM200 Juta

12. Amaun Peletakan FD/FD-i Minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** dan Amaun Peletakan FD/FD-i Maksimum ialah **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000)**. Jika Amaun Peletakan FD/FD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing dicapai, Amaun Peletakan FD/FD-i yang melebihi Amaun Peletakan FD/FD-i Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD/FD-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.
13. Tiada Resit FD/FD-i akan dikeluarkan untuk setiap peletakan FD / FD-i.
14. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang dikekalkan dengan Bank di bawah nama Pelanggan Layak (“**CASA/CASA-i Namaan**”) bagi tujuan mengkreditkan faedah/keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini.
15. Kadar faedah/keuntungan yang diperolehi bagi FD Konvensional dan FD-i akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
16. Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD/FD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD/FD-i masing-masing dan kadar faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
17. Tertakluk kepada Klausu 19 di dalam ini, bagi FD Konvensional, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Jika, baki dalam FD Konvensional kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
18. Tertakluk kepada Klausu 19 di dalam ini, bagi FD-i, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD-i dibenarkan pada amaun minimum **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** dan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Jika baki dalam FD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
19. Jika Amaun Peletakan FD/FD-i dikeluarkan sebelum tarikh matang, faedah / keuntungan tidak akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang FD/FD-i.
20. Amaun Peletakan FD/FD-i tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.
21. Promosi ini tidak sah digunakan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

## UMUM

22. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
- telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposit and Deposit Perbankan Islam;

- (ii) keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
- (iii) mengakses laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)/Laman Sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Laman Sesawang Bank**") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
- (iv) faedah/keuntungan yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
- (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.

23. Bank berhak:

- (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang dianggap sesuai oleh Bank daripada menyertai Promosi ini;
- (ii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian Terma & Syarat terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini atas budi bicara Bank, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
- (iii) membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposit and Deposit Perbankan Islam.

24. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposit and Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Akaun e-Deposit Tetap Hong Leong, dan Terma dan Syarat Deposit Tetap-i Hong Leong hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

25. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.

26. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.

27. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**